

20/10/1998

Tindakan negara dapat pujian

Ridzuan Yop

GEORGETOWN, Isnin - Kebanyakan negara menyifatkan dasar yang dilaksanakan Malaysia untuk menangani kegawatan ekonomi akibat krisis mata wang dan kejatuhan pasaran saham, sebagai tindakan berani, kata Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, pemimpin terbabit yang ditemui sewaktu lawatannya ke luar negara, berminat untuk mengetahui lebih lanjut pendekatan Malaysia dalam menghadapi krisis ekonomi.

"Kebanyakannya menyifatkan Malaysia yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai berani dan sanggup menghadapi cabaran untuk menyelesaikan masalah.

"Walaupun ada negara yang mengkritik, namun lebih banyak yang mahu melihat Malaysia berjaya supaya kaedah yang digunakan boleh menjadi contoh kepada negara mereka.

"Ketika saya di New York baru-baru ini, pelbagai pandangan diberi oleh negara luar mengenai usaha Malaysia dan rata-rata mahu melihat Malaysia berjaya," katanya ketika berucap pada majlis penutup Eksponika Pameran dan Jualan Barangan Buatan Malaysia di Tapak Ekspo, Sungai Nibong di sini, malam tadi.

Abdullah berkata, walaupun spekulator mata wang boleh merosakkan ekonomi Malaysia, ia tidak boleh mematahkan semangat dan usaha pemimpin serta rakyat negara ini memulihkan ekonominya.

"Mereka boleh menjatuhkan nilai ringgit dan pasaran saham kita, namun ia tidak boleh merampas kepandaian serta kemahiran kita untuk mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi," katanya.

Sehubungan itu, katanya, rakyat Malaysia patut bersyukur mempunyai pemimpin seperti Dr Mahathir yang gigih berusaha bagi memastikan ekonomi negara kembali pulih.

"Walaupun negara menghadapi masalah besar, Dr Mahathir mempunyai sikap terpuji dengan tetap berikhtiar dan berusaha untuk mengatasi semua masalah itu," katanya.

Menurutnya, pendirian Malaysia tidak mahu menerima pinjaman Dana Mata Wang Antarabangsa (IMF) atas alasan bantuan itu tidak akan mengatasi masalah ekonomi negara ini terbukti benar berdasarkan pengalaman yang dilalui Indonesia dan Thailand.

Malah, katanya, bantuan IMF memburukkan lagi keadaan ekonomi kedua-dua negara berkenaan.

"Lembaga Eksekutif IMF sendiri mengakui kaedah dan formula yang mereka kenakan terhadap negara terbabit tidak berjaya kerana gagal mengetahui masalah sebenar yang dihadapi negara penerima bantuan," katanya.

(END)